

# Jaga kebersihan sikap waspada cegah denggi, rabies

Sepanjang minggu kita didedahkan dengan pelbagai isu yang boleh mengancam kesihatan kita seperti demam denggi dan terbaharu penyakit anjing gila atau lebih dikenali sebagai rabies. Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan merancang mengadakan gotong-royong besar-besaran serentak di seluruh negara berikutan penularan demam denggi tahun ini berbanding dengan tempoh sama tahun lalu.

Menurut pihak Jabatan Kesihatan, jumlah terkini kumulatif kes demam denggi di seluruh negara dari bulan Januari hingga 12 September 2015 ialah 85,488 kes berbanding 70,337 bagi tempoh

sama tahun lalu. Sementara itu, jumlah kematian akibat demam denggi sehingga 12 September 2015 adalah 234, berbanding 133 bagi tempoh sama tahun lalu, peningkatan 75.9 peratus.

Selain daripada peningkatan jumlah jangkitan dan kematian akibat demam denggi, jumlah kes akibat gigitan anjing pada manusia dan bilangan anjing yang dimusnahkan dilaporkan semakin meningkat berkaitan penyakit anjing gila atau rabies terutamanya di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kes gigitan anjing pada

manusia meningkat daripada 49 pada Sabtu lalu kepada 59, awal minggu ini, dengan Perlis mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 27 diikuti Pulau Pinang, 20, dan Kedah, 12.

Selain itu sebanyak 2,140 ekor anjing dilaporkan dimusnahkan di tiga negeri terbabit yang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies pada 17 September lalu. Anjing yang dimusnahkan itu majoritinya adalah anjing liar dan 19 daripadanya dilaporkan ada tanda positif menunjukkan tanda 'klinikal rabies.'

## Perlu ambil langkah wajar

Berdasarkan kes jangkitan demam denggi dan rabies yang melanda, semua pihak perlu serius mengenai tahap bahaya penyakit yang dibawa melalui jangkitan demam denggi serta rabies yang boleh bawa maut. Semua pihak perlu ambil langkah sewajarnya supaya mereka tidak dijangkiti.

Aspek kebersihan diri serta kawasan sekeliling memainkan peranan yang penting bagi memastikan tiada tempat yang boleh menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes. Semua pihak juga perlu lebih berhati-hati ketika menyentuh haiwan terutamanya yang berisiko tinggi yang boleh membawa penyakit rabies.

Sikap berhati-hati amat perlu dengan haiwan liar yang berkeliaran. Mana-mana haiwan yang dijumpai berada dalam keadaan kesihatan yang meragukan perlu dilaporkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau pihak Majlis Perbandaran atau agensi yang bertanggungjawab menangkap haiwan terbabit.

Individu yang memelihara haiwan yang berisiko tinggi membawa penyakit rabies perlu lebih peka terhadap status kesihatan haiwan peliharaan mereka serta membawa haiwan peliharaan

mereka ke klinik haiwan untuk mendapatkan pengesahan kesihatan haiwan terbabit.

Penguatkuasaan undang-undang juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan aspek kawalan penyebaran penyakit serta dibendung sebelum ianya menjadi luar kawalan seperti termaktub melalui Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk mengambil langkah perlu bagi mengatasi masalah rabies selain Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154) di mana tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab membiarkan premis digunakan sebagai tempat pembiakan nyamuk aedes.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)